



TUNTUTAN INSENTIF SLDN

Bahagian Persijilan Kompetensi (BPK)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)



TUNTUTAN INSENTIF SLDN

- 1 Adakah tuntutan akan diterima sekiranya **tandatangan perantis** pada borang kehadiran dalam dokumen tuntutan **tidak sama** dengan tandatangan pada **borang lawatan verifikasi** (BORANG VERIFIKASI PERANTIS)?

Sekiranya tandatangan meragukan, proses pembayaran tuntutan ditangguhkan sehingga selesai siasatan terhadap perkara tersebut.

- 2 Jika perantis berhenti sebelum lawatan verifikasi perantis oleh JPK diadakan, adakah tuntutan insentif boleh dibayar?

Insentif bagi perantis/PL/syarikat tidak layak dibayar kerana verifikasi ke atas perantis tidak berlaku.



TUNTUTAN INSENTIF SLDN

- 3 Apakah tindakan Jabatan sekiranya terdapat pemalsuan dokumen tuntutan oleh PB (contohnya: menipu maklumat kehadiran, pemalsuan tandatangan)?

Sekiranya terdapat pemalsuan dokumen tuntutan oleh PB, Jabatan akan mengambil tindakan undang – undang terhadap PB termasuk penangguhan pembayaran tuntutan sehingga selesai siasatan.

- 4 Sekiranya perantis telah berhenti sebelum JPK sempat melaksanakan **lawatan verifikasi perantis**. Menurut PB, Perantis telah hadir selama **hampir 2 bulan**. Lawatan verifikasi telah dibuat sehari selepas perantis berhenti. Adakah tuntutan layak dibayar?

Tuntutan tidak layak dibayar kerana verifikasi ke atas perantis tidak berlaku (perantis tidak dapat disahkan).



TUNTUTAN INSENTIF SLDN

- 5 Sekiranya lawatan verifikasi perantis dilakukan secara dalam talian, adakah perantis wajib menandatangani BORANG VERIFIKASI PERANTIS (JPK/BorangSP/04 (Pind. 1).

Perantis wajib menandatangani Borang Verifikasi Perantis (JPK/BorangSP/04 (Pind. 1) sama ada verifikasi dibuat secara fizikal ataupun secara dalam talian. Bagi situasi verifikasi secara dalam talian, Pegawai pemantau akan menyaksikan dan merekodkan perantis menandatangani borang tersebut secara dalam talian (*Google Meet/Video call* dll).
- 6 Sekiranya PB telah dikenakan Notis Kemungkiran, adakah PB boleh mengemukakan tuntutan bagi bulan latihan yang berkaitan?

PB boleh mengemukakan tuntutan kepada JPK Wilayah mengikut prosedur sedia ada tetapi proses bayaran akan ditangguhkan sehingga PB selesai meremedikan kesalahan/ pelanggaran yang telah dilakukan. JPK akan mengeluarkan notis pemakluman kepada PB dan JPK Wilayah bagi tujuan pembayaran setelah remedii dibuat oleh PB.



TUNTUTAN INSENTIF SLDN

- 7 Jika perantis cuti sakit semasa lawatan verifikasi perantis diadakan, adakah tuntutan incentif boleh dibayar?

Tuntutan incentif tidak akan dibayar kepada Perantis, Pusat Latihan dan Syarikat sepanjang tempoh latihan sekiranya kewujudan perantis di PB tidak dapat disahkan oleh Jabatan selewat-lewatnya pada minggu pertama bulan ke-3 latihan.

- 8 Adakah perantis yang cuti bersalin dalam tempoh latihan layak dibayar incentif?

Perantis layak dibayar incentif sekiranya mendapat kelulusan penangguhan latihan daripada JPK serta telah menyelesaikan kelas gantian sepenuhnya.



TUNTUTAN INSENTIF SLDN

- 9 Adakah perantis layak membuat tuntutan sekiranya kehadiran kurang dari 16 hari dalam sebulan?

Perantis tidak layak membuat tuntutan sekiranya kehadiran kurang daripada 80% (<16 hari)/bulan.

- 10 Bolehkan perantis memulakan latihan dalam tempoh cuti sakit?

Kelayakan Cuti sakit hanya dibenarkan selepas tarikh mula latihan. PB hendaklah mendaftarkan perantis dalam keadaan sihat tubuh badan dan mampu menjalani latihan.



TUNTUTAN INSENTIF SLDN

- 11 Jika seorang perantis telah dimasukkan ke wad hospital beberapa hari untuk menerima rawatan, adakah perantis tersebut layak dibayar insentif sedangkan tiada sijil cuti sakit dikeluarkan oleh hospital berkenaan.

Perantis masih layak dibayar insentif jika ada sebarang surat perakuan yang diberikan oleh hospital tersebut. Bagi tujuan tuntutan insentif, cuti tersebut boleh diklasifikasikan sebagai cuti sakit (CS). (*Rujuk Perkara 3.1.1 - Panduan Tuntutan Insentif Program SLDN Berinsentif 2023*).

- 12 Sekiranya dalam tempoh latihan, PB telah melaksanakan modul latihan tambahan iaitu selain yang digariskan di dalam NOSS dan telah melebihi tempoh latihan yang diluluskan, adakah perantis/PL/syarikat layak dibayar insentif bagi tempoh yang selebihnya itu?

Tidak layak. Perantis/PL/syarikat hanya layak dibayar insentif mengikut tempoh latihan yang telah diluluskan oleh JPK sahaja. PB hanya boleh menjalankan modul tambahan tanpa menjaskan jam latihan program NOSS yang didaftarkan.



TUNTUTAN INSENTIF SLDN

- 13 Adakah PB boleh membuat pemotongan insentif kepada perantis disebabkan PB telah mengenakan **yuran penginapan** kepada perantis.

Tidak dibenarkan. PB hanya boleh mengutip yuran penginapan tersebut setelah keseluruhan amaun tuntutan diberikan kepada perantis.

- 14 Berapakah jumlah hari maksimum Cuti Sakit (MC) yang layak dibayar bagi setiap perantis?

Jumlah maksimum Cuti Sakit (MC) yang layak dibayar untuk setiap perantis adalah sebanyak 14 hari sepanjang tempoh latihan. Perantis yang mengambil Cuti Sakit selepas jumlah maksimum tersebut akan dianggap Tidak hadir.



TUNTUTAN INSENTIF SLDN

- 15 Adakah perantis layak dibayar insentif pada bulan latihan berkenaan sekiranya perantis tidak hadir tanpa sebarang sebab yang munasabah semasa Penilaian Akhir dan verifikasi PPL?

Tidak layak dibayar. Tuntutan perantis bagi bulan latihan terakhir hanya boleh dibayar sebaik perantis menduduki penilaian akhir verifikasi PPL.

- 16 Bolehkah Pusat Latihan (PL) menyerahkan tuntutan insentif syarikat SLDN dengan cara membuat bayaran kepada Personel-Coach.

Tidak boleh. Bayaran insentif Syarikat hendaklah dibayar sebagaimana yang dinyatakan dalam panduan tuntutan Insentif perkara 2 (Jadual 1: Kadar Insentif Program SLDN Berinsentif). Sekiranya bayaran ingin diberikan kepada Coach, perlulah melalui Syarikat kerjasama. Sekiranya terdapat PB yang melanggar ketetapan di atas, JPK akan mengeluarkan notis teguran.



TUNTUTAN INSENTIF SLDN

- 17 Adakah Syarikat In-House masih perlu mengemukakan Borang Pengesahan Penerimaan Insentif Syarikat? (Penerima dan pengesah adalah personel yang sama dengan PL).

Tidak perlu.

- 18 Bolehkah bayaran insentif dibayar menggunakan akaun pihak ketiga? Sekiranya boleh, adakah PB perlu kemukakan surat arahan bayaran kepada pihak ketiga?

Tidak digalakkan. PB perlu memaklumkan kepada JPK sekiranya PB ingin menggunakan akaun pihak ketiga.

- 19 Berapakah bilangan hari kelayakan maksimum yang dibenarkan bagi Cuti Kecemasan?

1 hari.

* Cuti Kecemasan 1 hari sahaja seperti: kematian ahli keluarga (ibu, bapa, ibu/bapa mertua, adik beradik, datuk, nenek, ibu/bapa saudara), banjir dan lain-lain.



TUNTUTAN INSENTIF SLDN

- 20 Sekiranya pemilik Pusat Latihan tiada di premis latihan pada masa yang panjang dan tidak berkesempatan untuk menandatangi dokumen kontrak, bolehkah dokumen tersebut ditandatangani oleh wakil?

Boleh. Walau bagaimanapun surat turun kuasa perlu dibuat kepada wakil tersebut dan perlu dilampirkan bersama dokumen kontrak.

- 21 Adakan Salinan Sijil Cuti Sakit (MC) yang disahkan oleh PB SLDN boleh digunakan sebagai bukti MC semasa mengemukakan tuntutan bayaran insentif?

Boleh. Bukti MC yang dikemukakan oleh Pusat Latihan (PL) semasa membuat tuntutan bayaran insentif perlu disahkan oleh syarikat kerjasama di mana perantis menjalani latihan praktikal. Walau bagaimanapun, JPK Wilayah boleh menghubungi klinik berkenaan untuk tujuan pengesahan.